



SIARAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DITERBITKAN DENGAN KUASA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI DI BAWAH
SEKSYEN 39(3)(b) PERLEMBAGAAN

19hb Julai 2012

S.UU(A)002/12

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(PERKARA PENYELIDIKAN) 2012

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN A – PERMULAAN

BAHAGIAN B – PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

BAHAGIAN C – ETIKA DAN TERTIB DALAM PENYELIDIKAN

BAHAGIAN D – PENYEBARAN HASIL PENYELIDIKAN DAN KERAHSIAAN

BAHAGIAN E – HAK HARTA INTELEK

BAHAGIAN F – PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN PENDEDEAHANNYA

BAHAGIAN G – SALAH LAKU

BAHAGIAN H - PELBAGAI

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia
(Perkara Penyelidikan) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Lembaga Universiti Putra Malaysia membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:

BAHAGIAN A - PERMULAAN

Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat kuasa

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Penyelidikan) 2012 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 9 Julai 2012.
2. Kaedah-kaedah ini mengandungi pernyataan Universiti berkaitan dengan penyelidikan yang melibatkan fakulti, pelajar atau pekerja yang dijalankan sama ada di dalam atau di luar Universiti, sama ada menggunakan dana atau geran Universiti, atau dana atau geran daripada pihak ketiga.
3. Kaedah-Kaedah ini dibuat bertujuan:-
 - (a) membolehkan Universiti menggalakkan budaya kesarjanaan penyelidikan;
 - (b) menyediakan rangka kerja untuk pembangunan penyelidikan dan inovasi;
 - (c) meningkatkan taraf amalan penyelidikan dan inovasi, dan penyebaran hasil penyelidikan;

- (d) mewujudkan persekitaran penyelidikan yang kondusif dan sihat;
- (e) mewujudkan Kaedah-Kaedah pentadbiran dan perundangan yang diperlukan bagi memudahkan kegiatan, pemantauan dan pengiktirafan kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan oleh fakulti, pelajar dan pekerja;
- (f) memastikan perkongsian dan pembahagian yang adil dan saksama ke atas harta intelek yang dijana melalui penyelidikan yang melibatkan pihak-pihak yang berkaitan; dan
- (g) memelihara hak harta intelek Universiti dan tuntutan ke atasnya yang terhasil daripada penyelidikan.

BAHAGIAN B - PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

4. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah ditadbir oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai penyelidikan di Universiti (selepas ini dirujuk sebagai Pejabat TNC).

Peranan dan fungsi Pejabat TNC

- (a) Pejabat TNC hendaklah memastikan Universiti menubuhkan Jawatankuasa berikut:-
 - (i) Jawatankuasa Penilaian yang hendaklah berperanan menilai dan memberi kelulusan mengenai cadangan penyelidikan dan kebolehlaksanaan penyelidikan oleh fakulti, pelajar atau pekerja;
 - (ii) Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti yang hendaklah berperanan menilai dan memastikan penyelidikan mematuhi etika dan tertib penyelidikan berkaitan manusia, haiwan dan organisma genetik terubahsuai;

-
- (iii) Jawatankuasa Salahlaku Penyelidikan Universiti yang hendaklah berperanan menilai dan memutuskan mengenai aduan berkaitan salahlaku penyelidikan;
 - (iv) Jawatankuasa Penulisan Akademik dan Penerbitan Universiti yang hendaklah berperanan menilai dan memastikan pematuhan terhadap Kaedah-Kaedah penyelidikan berkaitan penyebaran hasil penyelidikan dan kerahsiaan;
 - (v) Jawatankuasa lain yang difikirkan perlu dan sesuai;

(selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa").

- (b) Pejabat TNC hendaklah merangka, menyelaras, memantau dan membuat pelaporan aktiviti penyelidikan Universiti;
- (c) Pejabat TNC hendaklah mengenalpasti peluang mendapatkan dana atau geran bagi aktiviti penyelidikan Universiti;
- (d) Pejabat TNC hendaklah menguruskan dana atau geran yang diperoleh bagi aktiviti penyelidikan menurut peraturan kewangan dan perakaunan Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (e) Pejabat TNC hendaklah memastikan Jawatankuasa menjalankan peranan dan fungsinya seperti yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah ini;
- (f) Pejabat TNC hendaklah menubuahkan sekretariat yang berkaitan bagi membolehkan Jawatankuasa menjalankan fungsinya;

- (g) Pejabat TNC hendaklah memastikan Universiti mematuhi apa-apa keperluan undang-undang lain berkaitan dengan penyelidikan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
- (h) Pejabat TNC hendaklah memastikan terdapat Pelan Penggantian bagi fakulti, pelajar atau pekerja yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan yang dijalankan.

Peranan dan fungsi Jawatankuasa

(2) Jawatankuasa hendaklah mempunyai peranan dan fungsi berikut:-

- (a) bertanggungjawab kepada Pejabat TNC yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai penyelidikan di Universiti;
- (b) memastikan peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan peruntukan prosedur yang dibuat oleh Jawatankuasa dipatuhi;
- (c) membuat prosedur berkaitan pelaksanaan tanggungjawab Jawatankuasa dan penjalanan Jawatankuasa;
- (d) membuat prosedur berkaitan kebolehlaksanaan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan;
- (e) memastikan fakulti, pelajar atau pekerja mematuhi apa-apa keperluan undang-undang lain berkaitan dengan penyelidikan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- (f) menimbang dan membuat keputusan mengenai permohonan penyelidikan yang akan dijalankan oleh fakulti, pelajar atau pekerja.
- (g) menjalankan apa-apa fungsi lain yang diarahkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

Peranan dan Fungsi Sekretariat

(3) Sekretariat hendaklah mempunyai peranan dan fungsi seperti berikut:-

- (a) bertanggungjawab kepada Jawatankuasa;
- (b) memastikan rekod penyelidikan dan rekod penjalanan Jawatankuasa diselenggara; dan
- (c) menjadi penghubung antara fakulti, pelajar atau pekerja dengan Jawatankuasa.

Peranan Fakulti, Pelajar atau Pekerja

(4) (a) Fakulti, pelajar atau pekerja yang ingin menjalankan penyelidikan hendaklah:-

- (i) mendapatkan kelulusan Jawatankuasa bagi menjalankan penyelidikan berkaitan;
- (ii) mendapatkan dana atau geran penyelidikan daripada Universiti atau pihak ketiga lain sekiranya memerlukan bantuan kewangan;
- (iii) mematuhi syarat dan peraturan Universiti dan pihak ketiga lain yang menjadi penaja dana atau geran penyelidikan;
- (iv) merekod aktiviti penyelidikan dalam buku laboratori;
- (v) membuat pelaporan berkaitan kemajuan dan hasil aktiviti penyelidikan kepada Universiti dan penaja dana atau geran penyelidikan;
- (vi) memastikan buku laboratori, dokumen, data, sampel dan/atau spesimen direkodkan dan disimpan di tempat yang mudah dicapai. Dokumen, data, sampel dan/atau

spesimen yang asal hendaklah disimpan dan dipelihara mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan

- (vii) memasuki kontrak penyelidikan dengan penaja dana atau geran penyelidikan dan mematuhi obligasi dan terma yang terkandung dalam kontrak tersebut.

(b) Apa-apa pelanggaran peruntukan berkaitan peranan fakulti, pelajar atau pekerja yang dinyatakan dalam perenggan 4.(4)(a) Kaedah-Kaedah ini boleh terjumblah kepada perbuatan salahlaku penyelidikan yang boleh dikendalikan di bawah perenggan 9 Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN C - ETIKA DAN TERTIB DALAM PENYELIDIKAN

5. (1) Bahagian ini menerangkan tentang bagaimana sesuatu penyelidikan yang melibatkan manusia, haiwan, tumbuhan, persekitaran, politik, sosial dan benda-benda hidup boleh dijalankan. Secara umumnya setiap penyelidikan yang dijalankan oleh fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah mematuhi etika dan tertib dalam penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti, mana-mana kerajaan dalam atau luar negara dan mana-mana pihak ketiga yang memberi penajaan berkaitan dengan penyelidikan itu.

(2) Semasa menjalankan penyelidikan, fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah mematuhi etika-etika lain berkaitan penyelidikan termasuklah etika dan tertib seperti di bawah:-

- (a) Setiap penyelidikan yang berkaitan manusia hendaklah mengikut etika dan tertib penyelidikan berikut, termasuklah:-
- (i) mengikut standard etika dan prosedur bagi penyelidikan berkaitan manusia seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (World

Health Organization) (WHO) atau badan lain diiktiraf oleh Universiti;

- (ii) menghormati maruah manusia;
- (iii) mendapat kebenaran atau keizinan bertulis daripada subjek penyelidikan;
- (iv) meminimumkan kemudarat dan maksimumkan faedah kepada manusia sejagat; dan
- (v) mendapat kebenaran Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti atau jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Universiti.

(b) Setiap penyelidikan yang berkaitan haiwan hendaklah mengikut etika dan tertib penyelidikan berikut, termasuklah:-

- (i) mengikut penetapan piawai oleh World Organisation For Animal Health (Office International des Epizooties) atau badan lain yang diiktiraf oleh Universiti;
- (ii) dikendalikan atau diselia oleh fakulti, pelajar atau pekerja yang kompeten dan terlatih;
- (iii) menjaga kebajikan haiwan, termasuklah:-
 - 1. meminimumkan rasa lapar dan dahaga yang keterlaluan;
 - 2. meminimumkan kesakitan dan kecederaan;
 - 3. meminimumkan ketakutan dan penderitaan; dan
 - 4. membenarkan haiwan menunjukkan kelakuan semulajadi mereka.
- (iv) mendapat kebenaran bertulis bagi haiwan yang dilindungi mengikut undang-undang daripada agensi berkaitan;

- (v) meminimumkan jumlah haiwan yang digunakan untuk penyelidikan dan menggantikan haiwan, jika boleh, dengan alternatif lain;
 - (vi) menggunakan kaedah penyelidikan yang bersesuaian dengan haiwan yang digunakan dalam penyelidikan; dan
 - (vii) mendapat kebenaran Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti atau badan lain yang diiktiraf oleh pihak Universiti.
- (c) Setiap penyelidikan yang berkaitan organisma genetik terubahsuai hendaklah mengikut etika dan tertib penyelidikan berikut, termasuklah:-
- (i) mematuhi Akta Bio Keselamatan 2007 atau akta lain yang berkaitan dengan organisma genetik terubahsuai yang berkuat kuasa; dan
 - (ii) mendapat kebenaran Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti atau badan lain yang diiktiraf oleh pihak Universiti.
- (d) Fakulti, pelajar atau pekerja yang menjalankan penyelidikan berkaitan politik, sosial dan persekitaran hendaklah peka dan memberi perhatian terhadap isu-isu berkaitan politik, sosial dan persekitaran yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama Universiti.
- (e) Fakulti, pelajar atau pekerja yang menjalankan apa-apa penyelidikan hendaklah memberi perhatian terhadap aspek keselamatan yang meliputi manusia, haiwan, organisma genetik terubahsuai, politik, sosial dan persekitaran.

(3) Apa-apa pelanggaran peruntukan berkaitan etika dan tertib penyelidikan yang dinyatakan dalam perenggan 5 Kaedah-Kaedah ini

oleh fakulti, pelajar atau pekerja boleh terjumlah kepada perbuatan salah laku dalam penyelidikan yang boleh dikendalikan di bawah perenggan 9 Kaedah-Kaedah ini.

**BAHAGIAN D - PENYEBARAN HASIL PENYELIDIKAN
DAN KERAHSIAAN**

6. (1) Hasil penyelidikan yang didapati oleh fakulti, pelajar atau pekerja boleh disebarluaskan bagi tujuan menaikkan nama universiti dan profesion UPM di samping mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara melalui penulisan yang diterbitkan (dalam bentuk bertulis, bercetak atau dalam bentuk elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, penulisan popular, kertas kerja, manuskrip, poster, laporan, teks kuliah, modul pengajian atau apa-apa bahan lain.

(2) Walaupun hasil penyelidikan itu boleh disebarluaskan, Universiti hendaklah mempunyai hak untuk menahan penyebaran hasil penyelidikan itu sekiranya penahanan tersebut adalah perlu untuk melindungi hak harta intelek Universiti atau untuk memelihara kepentingan keselamatan negara.

(3) Tanpa menjelaskan subperenggan 2 di atas, penyebaran hasil penyelidikan yang dibuat oleh fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

Persetujuan Penyebaran

- (a) Hasil penyelidikan yang didapati oleh fakulti, pelajar atau pekerja hanya boleh disebarluaskan sekiranya dipersetujui secara bertulis oleh kesemua penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan tersebut.
- (b) Sekiranya penyebaran itu melibatkan hak cipta Universiti, fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah mendapat kebenaran bertulis Universiti sebelum penyebaran itu dibuat.

Kepengarangan

- (c) Hanya fakulti, pelajar atau pekerja yang menulis sahaja yang berhak diiktiraf sebagai pengarang dan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penulisannya. Bagi diiktiraf sebagai pengarang, fakulti, pelajar atau pekerja itu hendaklah terlibat sekurang-kurangnya dalam dua (2) gabungan keadaan berikut:-
- (i) menjadi penyumbang kepada konsep dan rangka penyelidikan;
 - (ii) menjadi penganalisis dan pentafsir data atau maklumat penyelidikan yang berkaitan; dan/atau
 - (iii) menjadi penyumbang kepada penulisan tersebut secara signifikan atau membuat semakan intelektual kepada kandungan penulisan tersebut.

Penyunting Bukan Pengarang

- (d) Fakulti, pelajar atau pekerja yang membuat kerja suntingan ke atas manuskrip pengarang lain tidak boleh dianggap sebagai pengarang kerana penyunting tidak bertanggungjawab terhadap kandungan penulisan yang disuntingnya itu.

Pengarang Penghubung

- (e) Bagi hasil penyelidikan yang dibuat oleh pengarang bersama, kesemua pengarang bersama hendaklah memberi persetujuan secara bertulis bahawa hanya seorang pengarang daripada mereka yang akan menjadi pengarang penghubung yang bertanggungjawab menyelaras penyerahan dan penyemakan manuskrip secara keseluruhannya.

- (f) Pelajar tidak boleh menjadi pengarang penghubung kecuali dibenarkan oleh semua pengarang bersama. Pengarang bersama dan pengarang penghubung hendaklah bertanggungjawab

terhadap kandungan manuskrip dan apa-apa kegagalan pengarang penghubung berkaitan penyelarasan dan penyemakan manuskrip.

Afiliasi kepada Universiti

- (g) Mana-mana penemuan atau hasil penyelidikan yang hendak disebarluaskan melalui penerbitan atau selainnya, fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah memberikan afiliasi kepada Universiti.
- (h) Afiliasi hendaklah dinyatakan dalam semua penerbitan atau selainnya oleh fakulti, pelajar atau pekerja:
 - (i) tanpa mengira sama ada fakulti, pelajar atau pekerja itu sedang bercuti, termasuklah cuti sabatikal, cuti belajar, cuti penyelidikan, cuti tanpa gaji, atau cuti lain; dan
 - (ii) sama ada fakulti, pelajar atau pekerja itu sedang dipinjamkan, disangkutkan, atau ditukarkan dalam mana-mana program mobiliti ke mana-mana institusi atau agensi lain.

Penghargaan kepada Penaja

- (i) Dalam mana-mana penemuan atau hasil penyelidikan yang hendak disebarluaskan melalui penerbitan atau selainnya, penghargaan sewajarnya hendaklah diberikan kepada penaja dana atau geran penyelidikan.

Representasi kepada Penerbit

- (j) Pengarang yang berhasrat untuk menerbitkan manuskripnya dalam mana-mana penerbitan tidak boleh membuat representasi yang salah atau mengelirukan kepada penerbit, termasuklah:-
 - (i) menyenaraikan orang lain sebagai pengarang tanpa kebenaran orang itu;

- (ii) menyenaraikan orang yang tidak memberi sumbangan dalam penyelidikan atau menyenaraikan orang yang tidak menulis manuskrip berkaitan penyelidikan itu sebagai pengarang manuskrip;
- (iii) tidak memberikan penghargaan sewajarnya kepada mana-mana orang lain yang terlibat dan memberi sumbangan dalam penyelidikan; dan
- (iv) mengemukakan manuskrip yang mengandungi kandungan yang sama kepada lebih daripada satu penerbit tanpa mendedahkan maklumat pengemukaan itu.

Plagiat

- (4) (a) Fakulti, pelajar atau pekerja tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan atau data, kepunyaan orang lain dalam penulisannya.
- (b) Perbuatan plagiat termasuklah perlakuan berikut:-
 - (i) mengambil suatu idea, penulisan atau data orang lain dan kemudiannya mengaku bahawa idea, penulisan atau data itu adalah dapatannya sendiri;
 - (ii) menonjolkan atau cuba menonjolkan bahawa fakulti, pelajar atau pekerja itu merupakan sumber asal sesuatu idea, penulisan atau data yang sebenarnya diambil daripada sumber lain;
 - (iii) menerbitkan dengan dirinya sebagai pengarang suatu karya yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis daripada sumber orang lain;
 - (iv) menyatakan dirinya atau membenarkan dirinya dinyatakan sebagai pengarang bersama sesuatu karya yang dia langsung tidak membuat apa-apa sumbangan intelektual kepada karya itu;

- (v) memetik atau menyalin idea, penulisan atau data yang diambil daripada sumber lain tanpa menyebut sumber asal itu dalam penulisannya itu atau mengaku secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea itu;
- (vi) menterjemahkan tulisan orang lain dari satu bahasa ke satu bahasa lain sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dan kemudiannya mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya sendiri; atau
- (vii) memetik atau menyalin idea daripada penulisan orang lain dengan membuat pengubahsuaian tertentu tanpa rujukan yang sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara yang kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.

Integriti Data Penyelidikan

- (5) (a) Fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah sentiasa menjaga integriti dan kesahihan data atau maklumat mengenai penyelidikan yang dijalankannya, termasuklah tidak boleh:-
 - (i) mengusik atau mengubah data penyelidikan dan menukar atau memalsukan data mengenai penyelidikan yang dijalankan itu; dan
 - (ii) menyebarkan apa-apa data atau maklumat yang bukannya diperoleh daripada penyelidikan itu, termasuk mereka atau memalsukan data yang diperoleh.
- (b) Fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah menyatakan keseluruhan kesan sebenar penemuan atau hasil penyelidikan

termasuklah kesan sampingan walaupun kesan itu nominal, dan tidak membuat apa-apa penyembunyian mengenai kesan sampingan penemuan atau hasil penyelidikan yang dijalankannya itu.

Kerahsiaan Hasil Penyelidikan

(6) Fakulti, pelajar atau pekerja tidak boleh menyebarkan penemuan atau hasil penyelidikan yang dijalankan sama ada melalui penerbitan atau selainnya, sekiranya:-

- (a) terdapat apa-apaharta intelekyangdijanaataudihasilkanmelalui penyelidikan tersebut yang ingin dilindungi secara undang-undang termasuklah melalui pempatenan, pendaftaran cap dagang, pendaftaran reka bentuk perindustrian, perlindungan rahsia perniagaan sehingga langkah-langkah perlindungan sedemikian diambil oleh Universiti;
- (b) terdapat apa-apa sekatan kerahsiaan maklumat berkaitan dengan penyelidikan tersebut dalam mana-mana perjanjian yang dimasuki pihak Universiti dengan pihak ketiga lain atau perjanjian antara fakulti, pelajar atau pekerja dengan pihak ketiga lain; dan
- (c) penyebaran penemuan atau hasil penyelidikan itu tidak mendapat persetujuan daripada semua penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan itu.

Salah Laku

(7) Apa-apa pelanggaran peruntukan berkaitan hasil penyebaran penyelidikan dan kerahsiaan yang dinyatakan dalam perenggan 6 Kaedah-Kaedah ini oleh fakulti, pelajar atau pekerja adalah terjumlah kepada perbuatan salah laku dalam penyelidikan yang boleh dikendalikan di bawah perenggan 9 Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN E - HAK HARTA INTELEK

7. (1) Hak bagi harta intelek yang dihasilkan melalui penyelidikan berinstitusi (*institutionalized research*) adalah milik Universiti. Hak bagi harta intelek yang dihasilkan atau dijanakan oleh fakulti, pelajar atau pekerja atau mana-mana orang lain termasuklah tetamu yang terlibat dalam program Universiti adalah juga milik Universiti kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Kaedah-Kaedah ini atau Kaedah-Kaedah lain Universiti yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

- (2) (a) Penyelidikan berinstitusi (*institutionalized research*) adalah:-
- (i) penyelidikan yang melibatkan Universiti menjadi pihak utama kepada suatu perjanjian penyelidikan;
 - (ii) penyelidikan yang menggunakan sumber dan kepakaran Universiti dalam melaksanakan obligasi kontraktual Universiti dengan pihak ketiga lain;
 - (iii) penyelidikan yang secara khususnya menggunakan mendapat dana atau geran Universiti;
 - (iv) penyelidikan yang menggunakan kemudahan Universiti dan ditadbir oleh Universiti; dan
 - (v) penyelidikan yang melibatkan sekumpulan fakulti, pelajar atau pekerja bagi sesuatu tempoh penyelidikan yang panjang.
- (b) Mana-mana fakulti, pelajar atau pekerja yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab atau diarahkan atau yang digajikan untuk melaksanakan obligasi kontraktual Universiti tersebut hendaklah dianggap melaksanakan obligasi tersebut bagi pihak Universiti.

- (c) Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana fakulti, pelajar atau pekerja yang telah mendapat kebenaran Universiti untuk menjalankan penyelidikan dengan pihak ketiga lain yang penyelidikan itu bukanlah penyelidikan berinstitusi (*institutionalised research*), maka fakulti, pelajar atau pekerja itu hendaklah menanggung liabiliti secara persendirian tanpa melibatkan Universiti.
- (d) Apa-apa harta intelek yang dihasilkan atau terhasil daripada aktiviti penyelidikan berinstitusi (*institutionalized research*) hendaklah menjadi milik Universiti.
- (e) Mana-mana fakulti, pelajar dan pekerja yang mendapat kebenaran Universiti untuk menjalankan penyelidikan dengan pihak ketiga lain, dan fakulti, pelajar atau pekerja tersebut menggunakan sumber dan kemudahan infrastruktur Universiti, maka apa-apa harta intelek yang dihasilkan atau terhasil daripada penyelidikan fakulti, pelajar atau pekerja berkenaan hendaklah menjadi milik Universiti.
- (f) Sama ada sesuatu hak bagi harta intelek itu dituntut atau dimiliki atau layak dimiliki oleh Universiti bagi penyelidikan berinstitusi (*institutionalized research*) atau penyelidikan bukan berinstitusi (*uninstitutionalized research*), Universiti adalah berhak untuk mendapat akses dan boleh menggunakan maklumat daripada hasil penyelidikan tersebut bagi tujuan akademik.

Perlindungan Hak Harta Intelek Universiti

(3) Hak bagi harta intelek yang dihasilkan atau terhasil daripada penyelidikan kepunyaan Universiti hendaklah dilindungi mengikut undang-undang berkaitan harta intelek yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa oleh Universiti, termasuklah:-

- (a) mengambil langkah perlu melindungi hak harta intelek tersebut melalui pempatenan, pendaftaran cap dagang, pendaftaran reka bentuk perindustrian, perlindungan rahsia perniagaan atau melalui apa-apa perjanjian yang perlu dimasuki bagi tujuan melindungi hak harta intelek tersebut.
- (b) tidak mendedahkan apa-apa maklumat, data dan penemuan berkaitan penyelidikan kepunyaan Universiti kepada pihak ketiga lain yang boleh menjaskan langkah-langkah perlindungan hak harta intelek yang dibuat.
- (c) menuntut dan/atau mempertahankan secara guaman ke atas apa-apa pelanggaran hak harta intelek milik Universiti.

Pemilikan Hak Harta Intelek Universiti

- (4) (a) Semua hak harta intelek dalam penyelidikan yang dilakukan oleh fakulti, pelajar atau pekerja, termasuklah hak yang boleh dipatenkan, tahu-bagaimana (*know-how*), nama domain atau rahsia perniagaan adalah milik Universiti.
- (b) Hak harta intelek Universiti boleh dikongsi dengan pihak ketiga lain dengan kebenaran Universiti dan suatu perjanjian yang mengandungi peruntukan berkaitan perkongsian hak harta intelek tersebut hendaklah dimasuki dengan pihak ketiga lain itu mengikut Kaedah-Kaedah berkaitan hak harta intelek Universiti.

- (c) Hak harta intelek berkaitan hak cipta yang dihasilkan oleh fakulti, pelajar atau pekerja bagi sesuatu karya selain makalah jurnal dan buku adalah milik Universiti dan boleh dikembalikan kepada fakulti, pelajar atau pekerja tersebut mengikut Kaedah-Kaedah berkaitan hak harta intelek Universiti.

Pengkomersialan Hak Harta Intelek Universiti

- (5) (a) Hanya Universiti boleh mengkomersialkan hak harta intelek Universiti.
- (b) Sekiranya hak harta intelek Universiti dikomersialkan oleh Universiti, Universiti akan mempertimbangkan pembahagian keuntungan pengkomersialan tersebut dengan fakulti, pelajar atau pekerja yang merupakan pencipta harta intelek itu mengikut kadar yang ditetapkan Universiti dari semasa ke semasa.
- (c) Fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah memberikan kerjasama untuk membolehkan Universiti mengkomersialkan hak harta intelek Universiti dan hendaklah memasuki apa-apa surat cara yang berkaitan dengan obligasi fakulti, pelajar dan pekerja bagi tujuan pengkomersialan itu.

Salah Laku

- (6) Apa-apa pelanggaran peruntukan berkaitan hak harta intelek yang dinyatakan dalam perenggan 7 Kaedah-Kaedah ini oleh fakulti, pelajar atau pekerja adalah terjumliah kepada perbuatan salah laku dalam penyelidikan yang boleh dikendalikan di bawah perenggan 9 Kaedah-Kaedah ini.

**BAHAGIAN F - PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN
PENDEDAHANNYA**

8. (1) Apa-apa situasi percanggahan kepentingan yang mungkin dihadapi oleh fakulti, pelajar atau pekerja dalam menjalankan penyelidikan hendaklah dielakkan untuk memelihara integriti dan kejujuran dalam hubungan sesama penyelidik dan dengan Universiti.

(2) Percanggahan kepentingan adalah suatu situasi di mana fakulti, pelajar atau pekerja mendapat keuntungan atau kepentingan peribadi sama ada secara benar atau diandaikan dalam aktiviti penyelidikan, yang mana keuntungan atau kepentingan itu mempengaruhi penjalanan tugas rasminya.

(3) Dalam situasi di mana fakulti, pelajar atau pekerja:-

- (a) mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan; atau
- (b) tidak pasti atau ragu-ragu sama ada terdapat percanggahan kepentingan dalam aktiviti yang dijalankan;

fakulti, pelajar atau pekerja hendaklah mendedahkan aktiviti penyelidikan tersebut berserta dengan kepentingan dalam aktiviti penyelidikan itu dan menahan dirinya daripada terus terlibat dalam aktiviti penyelidikan itu sebelum Universiti membenarkannya secara bertulis.

(4) Apa-apa percanggahan kepentingan dan pendedahannya hendaklah dikendalikan mengikut Kaedah-Kaedah berkaitan percanggahan kepentingan dan pendedahan Universiti.

(5) Apa-apa pelanggaran peruntukan berkaitan percanggahan kepentingan dan pendedahannya yang dinyatakan dalam perenggan 8 Kaedah-Kaedah ini oleh fakulti, pelajar atau pekerja adalah terjumlah kepada perbuatan salah laku penyelidikan yang boleh dikendalikan di bawah perenggan 9 Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN G – SALAH LAKU

9. (1) Perbuatan yang terjumlah sebagai salah laku di bawah perenggan 4(4)(b), 5(3), 6(7), 7(6) dan 8(5) boleh diambil tindakan pentadbiran oleh Universiti melalui Jawatankuasa Salahlaku Penyelidikan Universiti atau boleh diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib Universiti.

(2) Mana-mana perbuatan yang telah diputuskan sebagai salah laku di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah menjadi perkara asas kepada penafian terhadap apa-apa tuntutan keistimewaan atau faedah yang diberikan oleh Universiti atas pencapaian fakulti, pelajar atau pekerja dalam penyelidikan.

BAHAGIAN H – PELBAGAI**Penerimaan Kaedah-Kaedah**

10. Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibawa kepada perhatian setiap fakulti, pelajar atau pekerja Universiti. Penerimaan tawaran kerja atau tawaran belajar dengan Universiti dianggap penerimaan Kaedah-Kaedah ini oleh fakulti, pelajar atau pekerja itu.

Pengecualian

11. Naib Canselor boleh memberikan pengecualian kepada fakulti, pelajar atau pekerja daripada mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau prosedur yang ditetapkan oleh Jawatankuasa atas sebab kepentingan keselamatan negara.

Dengan syarat pengecualian itu tidak boleh menyentuh mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan/ atau mana-mana obligasi dan terma yang terkandung dalam kontrak antara Universiti dengan pihak ketiga lain.

Menanggung Rugi Universiti

Mana-mana fakulti, pelajar atau pekerja yang gagal mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan menyebabkan kerugian kepada Universiti, hendaklah menanggung rugi, mengganti bayar dan melepaskan Universiti daripada semua tuntutan, tindakan, kerugian, perbelanjaan, kos guaman, ganti rugi serta tanggungan yang diambil atau dituntut terhadap atau ditanggung oleh Universiti berkaitan atau disebabkan oleh kecuaian, ketinggalan, pengabaian atau tindakan fakulti, pelajar atau pekerja dalam penyelidikannya yang gagal mematuhi Kaedah-Kaedah ini.

Penasihat Umum dan Bantuan

Pejabat TNC dan pusat yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab penyelidikan boleh dihubungi untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai persoalan yang timbul di bawah atau berkaitan Kaedah-Kaedah ini.

Tafsiran

Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama Kaedah-Kaedah lain Universiti yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Dibuat 5 Julai 2012

[Minit Mesyuarat LPU 91/30]
[UPM/PPUU/100-1/1/3]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia

Disiarkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, UPM

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (RESEARCH) RULES 2012

ARRANGEMENT OF RULES

- PART A – PRELIMINARY
- PART B – IMPLEMENTATION AND MANAGEMENT
- PART C – ETHICS AND DISCIPLINES IN RESEARCH
- PART D – DISSEMINATION OF RESEARCH OUTPUT AND CONFIDENTIALITY
- PART E – INTELLECTUAL PROPERTY RIGHT
- PART F – CONFLICT OF INTEREST AND ITS DISCLOSURE
- PART G – MISCONDUCT
- PART H – MISCELLANEOUS

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA****UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (RESEARCH) RULES 2012**

IN exercise of the power conferred by section 37(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia, the Board of Universiti Putra Malaysia made the following Rules:

PART A – PRELIMINARY**Short Title, Application and Commencement Date**

1. These Rules may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Research) Rules 2012 and shall come into force on 9 July 2012.
